



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA

## PRA-LAWATAN

### Perkara yang perlu dilaksanakan

- ✓ Peringkat delegasi yang dibenarkan adalah pada peringkat Menteri ke atas.
- ✓ Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum melakukan lawatan kerja rasmi.
- ✓ Meminimumkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan ke luar negara.
- ✓ Memaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri mengenai perancangan lawatan.
- ✓ Melaksanakan ujian saringan COVID-19.
- ✓ Membuat perancangan program lawatan yang mematuhi SOP.

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Mempunyai gejala dan simptom COVID-19 sebelum ke negara yang dilawati.
- ✓ Membawa jumlah delegasi yang besar.
- ✓ Tidak memaklumkan perancangan lawatan kepada Kementerian Luar Negeri.

### Arahan Tetap

- ✓ Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

## Penerangan Aktiviti Pra Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Peringkat Delegasi yang dibenarkan adalah pada peringkat Menteri.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hanya lawatan rasmi/kerja/khas yang diketuai oleh Menteri dan ke atas dibenarkan bagi lawatan ke luar negeri yang mempunyai kepentingan negara. Timbalan Menteri juga boleh mengadakan lawatan ke luar negeri mengikut prosedur sedia ada sekiranya terdapat keperluan tertentu yang diluluskan oleh Jemaah Menteri.</li></ul>
2. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum melakukan lawatan kerja rasmi.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kementerian atau agensi yang menjadi peneraju kepada lawatan berkenaan perlu mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum lawatan dilakukan.</li></ul>
3. Meminimumkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan ke luar negara.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Agensi yang terlibat perlu meminimumkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan berdasarkan keperluan semasa.</li></ul>
4. Memaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri mengenai perancangan lawatan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Agensi yang terlibat hendaklah memaklumkan perancangan lawatan ke luar negara kepada Kementerian Luar Negeri sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh lawatan.</li></ul>
5. Membuat perancangan program lawatan yang mematuhi SOP.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rancangan program lawatan mesti tidak melibatkan tempat awam atau perjumpaan dengan orang awam.</li></ul>
6. Melaksanakan ujian saringan COVID-19.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Setiap delegasi yang terlibat adalah tertakluk kepada dasar dan prosedur kesihatan yang dikenakan oleh negara yang dilawati.</li><li>• Setiap delegasi tidak memamerkan gelaja dan simptom COVID-19 sebelum berlepas ke negara yang dilawati.</li></ul>



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA

## SEMASA LAWATAN

### Aktiviti yang dibenarkan

- ✓ Mematuhi SOP yang dikenakan oleh negara yang dilawati.
- ✓ Mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penggunaan *hand sanitizer* kepada semua delegasi.
- ✓ Mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang pertemuan.

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Tidak mematuhi arahan dan SOP yang dikuatkuasakan oleh negara yang dilawati.
- ✓ Berhimpun dan berkerumun beramai-ramai tanpa penjarakan fizikal.

### Arahan Tetap

- ✓ Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

## Penerangan Aktiviti Semasa Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Mematuhi SOP yang dikenakan oleh negara yang dilawati.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap delegasi hendaklah sentiasa mematuhi arahan dan SOP yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa negara yang dilawati.</li> <li>• Sekiranya terdapat ahli delegasi yang didapati positif, delegasi tersebut perlu mendapatkan rawatan di negara yang dilawati tertakluk kepada SOP negara tersebut.</li> <li>• Tidak melakukan program peribadi semasa di luar negara.</li> </ul>
2. Mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penggunaan <i>hand sanitizer</i> kepada semua delegasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesemua delegasi wajib memakai pelitup muka semasa ketibaan dan sepanjang lawatan berlangsung.</li> <li>• Delegasi digalakkan mencuci tangan dengan <i>hand sanitizer</i> secara kerap.</li> <li>• Agensi berkaitan perlu menyediakan pelitup muka dan <i>hand sanitizer</i> sepanjang lawatan.</li> </ul>
3. Mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang pertemuan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap delegasi hendaklah mengamalkan penjarakan sosial sepanjang lawatan dan mengelakkan berada di kawasan tumpuan.</li> </ul>



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA

## SELEPAS LAWATAN

### Aktiviti yang dibenarkan

- ✓ Mewajibkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 sejurus ketibaan delegasi di Malaysia.
- ✓ Melaksanakan kuarantin wajib 14 hari di lokasi yang diluluskan oleh KKM.

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Tidak mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan termasuk perintah kuarantin.

## Penerangan Aktiviti Semasa Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Mewajibkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 sejurus ketibaan delegasi di Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Setiap delegasi adalah diwajibkan untuk membuat ujian saringan COVID-19 (RTK Antigen) di mana-mana pintu masuk Malaysia bagi memastikan delegasi tidak mempunyai simptom atau gejala. Prosedur kesihatan sedia ada akan diaktifkan sekiranya terdapat delegasi bergejala yang perlu di bawa ke hospital yang telah ditetapkan oleh KKM.</li><li>• Sekiranya terdapat permohonan untuk pulang ke Malaysia secara berasingan dari delegasi rasmi, agensi peneraju perlu memaklumkan kepada agensi berkaitan sewajarnya.</li></ul>
2. Melaksanakan kuarantin wajib di lokasi yang diluluskan oleh KKM.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Delegasi yang telah disahkan negatif seterusnya diwajibkan untuk menjalani kuarantin 14 hari di lokasi yang diluluskan oleh KKM.</li><li>• Setiap delegasi hendaklah menjalani ujian saringan COVID-19 sebagaimana yang ditetapkan oleh KKM.</li><li>• Prosedur kesihatan sedia ada akan diaktifkan sekiranya terdapat delegasi bergejala yang perlu di bawa ke hospital yang telah ditetapkan oleh KKM.</li></ul>

### Arahan Tetap

- ✓ Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).